

Headline	28 pelajar UniKL Iprom lanjut pelajaran ke Jerman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	27	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	326 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 6,443
Frequency	Daily	PR Value	MYR 19,330



28 pelajar UniKL Iprom lanjut pelajaran ke Jerman

KUALA LUMPUR 14 Feb. - Seramai 28 pelajar Universiti Kuala Lumpur Institut Reka Bentuk Produk dan Pembuatan (UniKL Iprom) akan menjadi kumpulan perintis melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional selama sembilan bulan di Jerman.

Pengerusi UniKL, Datuk Dr. Adham Baba berkata, kumpulan pelajar tersebut merupakan kumpulan pertama yang dihantar bagi mendalami dan mempelajari teknologi Jerman sebagai nilai tambah mempertingkatkan kemahiran atau kepakaran masing-masing.

"Para pelajar yang terpilih akan menerima pendedahan antarabangsa bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan dengan sijil profesional dalam kemahiran tertentu. Contohnya, mekanikal dan elektrik, pengkhususan automotif, lokomotif dan teknologi landasan kereta api serta pembuatan perabut selepas tamat pengajian di Jerman nanti.

"Usaha ini juga selaras dengan seruan kerajaan yang ingin melahirkan modal insan sebagai usahawan berjaya dengan menggunakan kepakaran dan sumber sedia ada terutama daripada golongan bumiputera selain melonjakkan bidang pendidikan negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan sijil kepada pelajar tersebut sempena Majlis Graduasi Peringkat Asasi Industri Master Craftman An-

tarabangsa (Imac) Jerman di sini hari ini.

Kesemua mereka yang terpilih tersebut merupakan bekas pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) yang cemerlang peringkat sijil dalam pel-

bagai bidang teknikal dan vokasional dan mengikuti Program Imac selama empat bulan di UniKL Iprom sebelum ke Jerman malam esok.

Program Imac merupakan program perintis usahasama Bahagian Kemahiran Teknikal Mara dan UniKL Iprom serta ditaja Mara sepenuhnya.

Sementara itu, ketua kumpulan pelajar tersebut, **Mohamad Ridhwan Shah Mamat**, 21, berkata, pemilihannya untuk melanjutkan pelajaran di Jerman disifatkan sebagai peluang keemasan.

"Walaupun hanya melanjutkan pengajian di peringkat sijil, namun kami akan buktikan kepada semua rakyat Malaysia bahawa dengan kemahiran antarabangsa yang kami perolehi, kami mampu membantu memaju dan membangunkan bidang perindustrian di negara kita," katanya.

Dalam pada itu, **Darwati Atan**, 24, yang merupakan salah seorang daripada dua pelajar perempuan terpilih berasa bertuah kerana dapat melanjutkan pelajaran di Jerman yang memberi peluang kepadanya mempelajari teknologi negara itu sebelum dibawa balik ke negara ini.



DR. ADHAM Baba (tengah) bergambar bersama pelajar Universiti Kuala Lumpur Institut Reka Bentuk Produk dan Pembuatan (UniKL Iprom) selepas majlis graduasi Peringkat Asasi Industri Master Craftman (Imac) Jerman di Kuala Lumpur, semalam.